



KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SRI DAMANSARA LINK MELENGKAPKAN PROJEK LEBUHRAYA DUTA – ULU KELANG (DUKE) FASA 2

KUALA LUMPUR – Jajaran Sri Damansara Link (SDL) telah dibuka secara rasminya oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof pada 23 Oktober 2017 (Isnin).

Jajaran SDL akan menyambungkan Lebuhraya MRR2 di Persimpangan Bandar Menjalara dengan Lebuhraya DUKE sedia ada di Jalan Segambut. SDL berupaya untuk meningkatkan lagi keberkesanan jajaran lebuhraya DUKE sedia ada dan akan memberi pengguna laluan alternatif menuju ke pusat bandar Kuala Lumpur dari kawasan penempatan barat daya seperti Sri Damansara, Rawang, Kepong dan Sungai Buloh. SDL juga dijangkakan dapat membantu mengurangkan kesesakan di persimpangan Lebuhraya MRR2 dan Lebuhraya Damansara-Puchong. Selain dapat memudahkan aksesibiliti untuk orang ramai, malahan perjalanan dipendekkan, pemandu juga dapat menjimatkan masa, menjimatkan kos seperti bahan bakar atau minyak kenderaan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos selenggaraan kenderaan.

Pengarah Urusan Kesturi Tan Sri Datuk Seri Lim Keng Cheng berkata: “SDL juga akan menjadi jajaran pertama di lebuhraya DUKE yang dilengkapi dengan kemudahan “Park & Ride”. Kawasan rehat dan rawat Segambut (“SEGAR”) ini dibina untuk pelbagai tujuan dan merangkumi plaza tol, parkir, ruang komersial dan persimpangan bertingkat yang dibina khas. Plaza Tol Segambut juga lengkap dengan sistem kutipan tol RFID (*Radio – Frequency Identification*) yang akan diperkenalkan untuk kegunaan awam.”



Pembukaan SDL ini telah melengkapkan projek Duke Fasa 2 dimana jajaran Tun Razak Link (“TRL”) telah dibuka sepenuhnya kepada pengguna pada 28 September 2017 yang lalu. Sempena majlis pembukaan tersebut, pihak konsesi iaitu KESTURI telah menawarkan tol percuma kepada pengguna di Plaza Tol Segambut selama sebulan mulai 23 Oktober 2017 sehingga 22 November 2017. Kutipan tol akan bermula pada 23 November 2017 bermula jam 12:01 pagi.